

07 FEB 2001

Sabah-Penggiliran

CINTANUSA HANTAR MEMORANDUM KE TYT, PM UNTUK MANSUHKAN PENGGILIRAN

KOTA KINABALU, 7 Feb (Bernama) -- Sebuah jawatankuasa bertindak -- Kumpulan Belia Pencinta Nusa (Cintanusa) -- hari ini memutuskan untuk menghantar memorandum kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai, bagi menuntut supaya sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri dimansuhkan.

Pengerusi Cintanusa, Zulkarnain Mahdar, berkata memorandum setebal lapan muka surat itu akan diserahkan kepada Sakaran selewat-lewat Jumaat ini.

Memorandum yang serupa juga akan disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatan beliau ke negeri ini yang dijadual bermula Ahad ini, persidangan berita hari ini.

"Berdasarkan maklumat balas yang diterima setakat ini, majoriti rakyat Sabah menolak sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri," katanya.

Selain itu, jawatankuasa bertindak itu akan melancarkan kempen mendapatkan tandatangan rakyat sehingga ke peringkat akar umbi di seluruh negeri bermula esok untuk mendapatkan sokongan, katanya.

"Sasaran kami ialah mendapatkan tandatangan sekurang-kurangnya 150,000 rakyat dari sekarang hingga Mac," katanya.

Zulkarnain berkata ini berikutan kenyataan Dr Mahathir baru-baru ini bahawa beliau masih memikirkan sama ada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri akan diteruskan atau dimansuhkan.

"Ini memberi ruang kepada rakyat Sabah untuk menyatakan pendirian dan kita harap ia dapat diterjemahkan melalui tandatangan mereka sebagai tanda sokongan," katanya.

Zulkarnain turut menggariskan hujah bagi menyokong tuntutan jawatankuasa berkenaan. Antaranya ialah:

+ Suasana politik sekarang tidak bersesuaian dengan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri. Jika para pemimpin dan rakyat Sabah pelbagai kaum asyik bercakap mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri, tidak banyak pencapaian yang dapat dilaksanakan. Ia bukan sahaja kerana tempohnya terlalu singkat tetapi sistem penggiliran ini menjadi fokus atau tumpuan para pemimpin dan rakyat yang menjejaskan kelancaran pentadbiran negeri.

* Alasan untuk mengekalkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri hanyalah politik dan bukannya berkaitan dengan alasan ekonomi. Para peniaga dan usahawan yang inginkan kestabilan ekonomi terjejas disebabkan terlalu banyak tumpuan pada politik dan persoalan "Siapa yang akan menjadi Ketua Menteri".

* Setiap kali ada pertukaran Ketua Menteri, sudah pasti akan berlakulah rombakan kabinet, pertukaran portfolio, pertukaran pegawai kerajaan dan agensi kerajaan. Ini pasti menjejaskan pelaksanaan apa juga perancangan pembangunan yang telah dirancang. Yang menjadi korban dan sasaran ialah rakyat di negeri ini.

Zulkarnain berkata walaupun jika rayuan jawatankuasa bertindak itu tidak diterima, mereka akur kepada apa juga keputusan Perdana Menteri termasuk memanjang tempoh pegangan jawatan Ketua Menteri.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri dilaksanakan sejak Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri pada Mac 1994.

Sistem itu bagi membolehkan pemimpin tiga kaum utama -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera Bukan Islam -- dilantik sebagai Ketua Menteri secara bergilir, masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Beberapa pihak di Sabah kebelakangan ini bagaimanapun berpendapat sudah

sampai masanya kajian semula dilakukan terhadap sistem itu bagi menilai sama ada ia perlu diteruskan atau sebaliknya.

Jawatan Ketua Menteri kini disandang oleh Datuk Osu Sukam yang mewakili Bumiputera Islam, dan jika sistem itu diteruskan, tempoh beliau akan berakhir kurang dua bulan dari sekarang.

-- BERNAMA

NT NMO